

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (24)
Tarikh : 22 Julai 2014

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "PELAJAR
CEMERLANG BUNTU TIADA MYKAD" BERTARIKH 20 JULAI 2014, AHAD
– M.S: 45**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Nur Diana binti Ruslan berkenaan tidak mempunyai MyKad walaupun sudah memohon beberapa kali.
3. Hasil semakan mendapati sijil kelahiran beliau adalah berstatus Bukan Warganegara Malaysia, disebabkan ibubapa beliau berstatus bukan warganegara Malaysia. Penentuan status kewarganegaraan Malaysia adalah berdasarkan status kewarganegaraan ibu dan bapa semasa pendaftaran kelahiran dikemukakan.
4. Turut dimaklumkan catatan bukan warganegara pada sijil kelahiran Nur Diana binti Ruslan adalah disebabkan tiada tuntutan taraf kewarganegaraan Malaysia secara kuatkuasa undang – undang. Ini kerana tiada pembuktian yang menunjukkan bahawa ibubapa beliau bertaraf warganegara Malaysia.
5. JPN juga ingin menjelaskan bahawa lahir di Malaysia dan memiliki sijil kelahiran Malaysia tidak akan memberikan seseorang individu itu warganegara Malaysia secara automatik. Penentuan taraf warganegara kanak – kanak juga bergantung kepada status perkahwinan ibubapanya semasa kelahiran tersebut berlaku mengikut peruntukan undang – undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

6. Ingin dijelaskan juga JPN hanya mengeluarkan MyKad kepada warganegara Malaysia berdasarkan dokumen seperti sijil kelahiran berstatus warganegara Malaysia, sijil pengesahan taraf warganegara atau Borang W. Sehubungan dengan itu, JPN tidak dapat mengeluarkan MyKad kepada Nur Diana binti Ruslan kerana beliau bukan berstatus warganegara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)